

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENAMAAN BANGUNAN DAN TAMAN PERUMAHAN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENAMAAN BANGUNAN DAN TAMAN PERUMAHAN

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

2015

Buku **GARIS PANDUAN PERANCANGAN PENAMAAN BANGUNAN DAN TAMAN PERUMAHAN** ini diterbitkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

Malaysia.

Tel.: 603-2617 9000 Faks: 603-2698 0460

E-mel: dbkl@dbkl.gov.my Laman Web: www.dbkl.gov.my

Cetakan Pertama 2015

© Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.

Dicetak di Malaysia oleh:

Attin Press Sdn. Bhd.

No. 46, Jalan 2/108

Taman Salak Jaya

Salak Selatan

57100 Kuala Lumpur

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

KANDUNGAN

	HALAMAN
1.0 TUJUAN	1
2.0 OBJEKTIF	1
3.0 SKOP	1
4.0 TATACARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN	1-2
5.0 GARIS PANDUAN UMUM	3-4
6.0 GARIS PANDUAN KHUSUS	4-7
7.0 BANGUNAN-BANGUNAN YANG TIDAK MEMERLUKAN PENAMAAN BANGUNAN UNTUK PERTIMBANGAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT	8
8.0 TARIKH KUAT KUASA	8

Dokumen ini hanya untuk bilikan dalam talian sahaja

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

PENAMAAN BANGUNAN DAN TAMAN PERUMAHAN

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan tatacara penetapan nama bangunan dan taman perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 OBJEKTIF

Objektif utama garis panduan ini adalah untuk:

- i. Memastikan nama bangunan dan taman perumahan mengutamakan Bahasa Kebangsaan.
- ii. Memastikan nama bangunan dan taman perumahan mematuhi tatabahasa yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- iii. Memastikan nama bangunan dan taman perumahan mengambil kira ciri-ciri persekitaran kawasan tersebut.
- iv. Memastikan nama bangunan dan taman perumahan bersesuaian dengan jenis pembangunan yang dilaksanakan.


3.0 SKOP

Garis panduan ini diguna pakai untuk:

- i. Mempertimbangkan permohonan penamaan bangunan dan taman perumahan semasa menilai permohonan kebenaran perancangan.
- ii. Mempertimbangkan apa-apa permohonan pertukaran nama bangunan dan taman perumahan.

4.0 TATACARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- i. Bagi Pembangunan Baharu
- ii. Bagi Pembangunan Sedia Ada



Carta alir permohonan penamaan bangunan



5.0 GARIS PANDUAN UMUM

- i. Penggunaan nama orang perseorangan / syarikat tidak dibenarkan untuk bangunan yang akan dipecah bahagi kepada unit berasingan seperti pangsapuri, pangsapuri servis, kompleks beli-belah, SOHO dan sebagainya.
- ii. Penggunaan nama syarikat / pemaju atau nama individu tidak digalakkan melainkan bangunan itu merupakan bangunan perdagangan yang digunakan sendiri oleh syarikat berkenaan dan tidak dijual kepada orang lain. (Nama orang hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat mendapat persetujuan daripada waris).
- iii. Bagi cadangan yang melibatkan nama tokoh / orang perseorangan, pemohon perlu juga mengemukakan maklumat tambahan seperti nama penuh, tarikh lahir dan tarikh kematian (jika berkaitan) serta biografi ringkas tokoh / orang perseorangan tersebut, terutamanya jasa dan sumbangan atau kaitannya dengan sesuatu kawasan.
- iv. Penukaran nama bangunan / taman perumahan yang melibatkan tokoh ternama, mempunyai ciri-ciri warisan atau menyentuh sensitiviti tertentu akan dirujuk kepada Kementerian Wilayah Persekutuan.
- v. Bagi tujuan rujukan dan arah lokasi, penggunaan nama bangunan / taman perumahan yang sama tidak dibenarkan bagi mengelakkan kekeliruan orang ramai. Penggunaan nama skim pembangunan yang sama dan telah diguna pakai oleh sesebuah projek pembangunan adalah tidak digalakkan melainkan projek terkini merupakan sambungan kepada pembangunan sedia ada / bersebelahan dengan nama pembangunan yang telah diluluskan.
- vi. Nama khusus bagi satu / beberapa unit dalam sesuatu pembangunan tidak dibenarkan.
- vii. Permohonan penamaan semula nama sedia ada tidak digalakkan kecuali dengan alasan yang kukuh. Pemohon perlu mengemukakan alasan yang munasabah bersama dengan bukti persetujuan bertulis daripada semua pihak berkepentingan.
- viii. Penggunaan nama khas seperti nama negara / negeri / bandar, nama istana dan sebagainya adalah tidak dibenarkan.
- ix. Penggunaan nama yang menggambarkan imej atau identiti tertentu yang telah sedia ada seperti penggunaan angka "1" adalah tidak digalakkan.

- x. Bagi tujuan perletakan papan tanda premis bagi sesuatu perniagaan, pemilik / pengusaha hanya perlu mengemukakan permohonan ke Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja (JPPP).



6.0 GARIS PANDUAN KHUSUS

i. Penggunaan Bahasa:

- Menggunakan bahasa Melayu / Kebangsaan.
- Campuran perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris / lain-lain bahasa tidak dibenarkan.
- Mematuhi struktur dan tatabahasa bahasa Melayu yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Sebaik-baiknya nama yang dicadangkan tidak melebihi 3 patah perkataan.
- Nama / perkataan yang dicadangkan hendaklah mempunyai maksud / makna yang jelas.

ii. Mendapatkan perakuan bertulis daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terhadap semua nama bangunan / skim pembangunan yang dicadangkan.

iii. Menggunakan nama yang berunsur sejarah tempatan iaitu sempena nama tempat / jalan / imej kawasan tersebut dan bercorak kebangsaan. (Pengecualian boleh diberikan bagi bangunan pejabat, hotel, bangunan perdagangan / perniagaan, pembangunan SOHO).

- iv. Menggunakan nama yang mempunyai identiti jenis bangunan / projek pembangunan seperti pangsapuri, menara, dan sebagainya. (Pengecualian boleh diberikan bagi pembangunan bercampur seperti skim pembangunan dan pangsapuri servis).
- v. Penggunaan simbol seperti "@" dan sebagainya serta elemen nombor di awal nama bangunan / pembangunan adalah tidak dibenarkan.
- vi. Penggunaan perkataan:

- "Kuala Lumpur"

Pembangunan yang bukan mencerminkan mercu tanda kepada Kuala Lumpur adalah tidak digalakkan. Bagaimanapun, penggunaan "Kuala Lumpur" boleh diberikan kepada bangunan yang dilihat sebagai satu mercu tanda seperti bangunan yang mempunyai jenama bertaraf antarabangsa dan hanya terdapat satu sahaja di Kuala Lumpur dan Malaysia.

- "Residensi"

Pembangunan yang bercirikan kediaman termasuk pangsapuri servis.

vii. Penggunaan istilah berdasarkan takrif dan kriteria Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP):

Bil.	Istilah	Takrif daripada DBP	Kriteria	Contoh
1.	Wisma	Bangunan yang di dalamnya terdapat ruang pejabat, kedai atau sebagainya dan dimiliki oleh seorang empunya utama.	<ul style="list-style-type: none"> • Dimiliki oleh seorang empunya utama. • Penamaan wisma untuk satu unit kedai pejabat dalam satu deretan kedai pejabat adalah tidak dibenarkan. 	Wisma Lim Foo Yong
2.	Menara	Bangunan tinggi yang melebihi 20 tingkat.	<ul style="list-style-type: none"> • Ketinggian bangunan hendaklah melebihi 20 tingkat. 	Menara TM
3.	Bangunan	Struktur binaan tertutup.	<ul style="list-style-type: none"> • Termasuk sesuatu rumah, pondok, bangsal atau kepungan tertutup, sama ada sementara atau kekal. • Penamaan bangunan untuk satu unit kedai pejabat dalam satu deretan kedai pejabat adalah tidak dibenarkan. 	Bangunan Sultan Abdul Samad

Bil.	Istilah	Takrif daripada DBP	Kriteria	Contoh
4.	Kompleks	Kumpulan bangunan yang terdiri daripada beberapa binaan yang bercantum menjadi suatu keseluruhan atau satu bangunan besar yang terdiri daripada banyak ruang untuk aktiviti yang sama, seperti pejabat, beli-belah dan sukan.	<ul style="list-style-type: none"> Satu bangunan besar. Terdiri daripada beberapa bangunan. 	Kompleks Mahkamah Jalan Duta
5.	Plaza	Kompleks beli-belah.	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk kawasan yang besar yang mengandungi elemen bangunan, landskap/rekreasi. 	Plaza Sungei Wang

Dokumen ini hanya untuk rujukan dalam talian sahaja

7.0 BANGUNAN-BANGUNAN YANG TIDAK MEMERLUKAN PENAMAAN BANGUNAN UNTUK PERTIMBANGAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT

- i. Penamaan bangunan untuk satu / beberapa unit rumah kedai, kedai pejabat dan kilang teres yang berada dalam deretan lot rumah kedai, kedai pejabat dan kilang sedia ada. Bagaimanapun, penamaan bangunan boleh diberikan bagi:
 - Keseluruhan 1 blok bangunan yang mengandungi deretan lot rumah kedai / kedai pejabat / kilang teres;
 - Pembangunan komprehensif dalam deretan lot rumah kedai / kedai pejabat (pembangunan melibatkan 3 lot sedia ada dan lebih).
- ii. Penamaan bangunan untuk 1 unit rumah kediaman.
- iii. Penamaan bangunan untuk hotel bajet yang menggunakan satu / beberapa unit / premis yang berada dalam deretan lot rumah kedai atau kedai pejabat. Pemilik / pengusaha hotel hanya perlu mengemukakan permohonan ke Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja (JPPP) bagi tujuan perletakan papan tanda premis untuk hotel bajet.

- iv. Penamaan bangunan untuk institusi pendidikan swasta / kolej yang menggunakan satu / beberapa unit / premis yang berada dalam deretan lot rumah kedai atau kedai pejabat. Pemilik / pengusaha kolej hanya perlu mengemukakan permohonan ke Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja (JPPP) bagi tujuan perletakan papan tanda premis untuk kolej / institusi pendidikan.
- v. Bangunan kemudahan awam atau kemudahan masyarakat milik kerajaan seperti sekolah / universiti / asrama, masjid / surau, hospital / klinik dan sebagainya yang telah diberikan nama oleh pihak Kementerian / Jabatan berkenaan.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini mula berkuat kuasa pada **1 Januari 2015**.

SENARAI BUKU GARIS PANDUAN:

- i. Garis Panduan Perancangan Pusat Hiburan
- ii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Taska
- iii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika
- iv. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Nisbah Plot
- v. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Hotel Bajet
- vi. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Pusat Tuisyen
- vii. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kawasan *Plinth*
- viii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kawasan Lapang
- ix. Garis Panduan Perancangan Pembinaan Pondok Pengawal
- x. Garis Panduan Perancangan Penyediaan *Perimeter Planting*
- xi. Garis Panduan Perancangan Pengiraan Kepadatan Penduduk
- xii. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan
- xiii. Garis Panduan Perancangan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
- xiv. Garis Panduan Perancangan Penamaan Bangunan dan Taman Perumahan
- xv. Garis Panduan Perancangan Insentif Pembangunan di Kawasan Rizab Melayu
- xvi. Garis Panduan Perancangan Penerapan Elemen Bandar Selamat Dalam Penilaian Perancangan
- xvii. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Permohonan Kebenaran Perancangan
- xviii. Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit
- xix. Garis Panduan Perancangan Keperluan Kemudahan Awam Dalam Pembangunan Bukan Kediaman
- xx. Garis Panduan Perancangan Loji Pembancuh Simen (*Batching Plant*) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- xxi. Garis Panduan Perancangan Keperluan Anjakan Bangunan Kediaman Bertanah (Banglo, Berkembar dan Teres)
- xxii. Garis Panduan Perancangan Penyediaan Kemudahan Penduduk Dalam Skim Pembangunan Kediaman Bertingkat
- xxiii. Garis Panduan Perancangan Peratusan Unit Kecil Bagi Pembangunan Kediaman dan Pembangunan Komersil Bercirikan Kediaman
- xxiv. Garis Panduan Perancangan Kriteria Penilaian Perancangan Pemasangan Menara Telekomunikasi di Atas Tanah di Bawah Kawalan DBKL
- xxv. Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Perumahan Berkepadatan Rendah (Bukit Tunku, Taman Duta, Bukit Persekutuan dan Bukit Damansara)